

# Bahagian perlu pastikan Dr M, Pak Lah tidak dicabar

BH - 7 MAR 2000

SERI ISKANDAR, ISNIN - Semua bahagian Umno perlu memastikan tiada pertandingan untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno kali ini yang menjadi keutamaan serta lebih penting daripada jawatan lain.

Berikutan itu, Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri berkata, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mesti dipastikan dapat mempertahankan jawatan masing-masing tanpa dicabar calon lain kali ini.

Pada mulanya, Badan Perhubungan Umno Perak dalam mesyuaratnya memutuskan semua bahagian di Perak mencalonkan Dr Mahathir sebagai Presiden dan Abdullah sebagai Timbalan Presiden, manakala Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai Naib Presiden dengan dua calon Naib Presiden lain mengikut pertimbangan masing-masing.

"Tetapi kita dapati sesetengah bahagian di Perak dan di luar Perak yang berpendapat Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah patut diberikan tempat (dalam Umno).

"Sebab itu tiga Menteri Besar (Perak, Perlis dan Kedah) dalam pertemuan di Songkhla membuat keputusan supaya kita bagi ruang bahagian boleh mencalonkan Tengku Razaleigh sebagai Naib Presiden seperti dimulakan bahagian Gerik, semalam.

"Gerik mencalonkan Dr Mahathir untuk jawatan Presiden; Abdullah, Timbalan Presiden dan Najib, Naib Presiden sebagaimana keputusan Badan Perhubungan

Umno Perak, manakala Tengku Razaleigh dan Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman sebagai Naib Presiden.

"Keputusan ketiga-tiga Menteri Besar itu sebagai jalan keluar untuk kita tidak menghadapi kebuntuan di sesetengah bahagian yang mungkin menghadapi masalah (untuk mencalonkan Tengku Razaleigh)." katanya di sini, hari ini.

Beliau mengulas lanjut isu mencalonkan Tengku Razaleigh sebagai Naib Presiden dalam usaha memastikan jawatan Presiden dan timbalannya tidak dicabar sebagaimana diura-urakan selama ini.

Badan Perhubungan Umno Perak sudah menyarankan semua 23 bahagian mencalonkan Tengku Razaleigh untuk jawatan Naib Presiden sebagai jalan keluar mengelak perpecahan parti jika berlaku pertandingan di peringkat tertinggi parti.

Ditanya tindakan bahagian Batu Gajah tidak mencalonkan Tengku Razaleigh untuk jawatan Naib Presiden, Tajol Rosli berkata:

"Saya rasa ketua-ketua bahagian (di Perak) sudah matang. Tidak perlu kita nasihatkan lagi, yang perlu kita nasihat ialah cawangan. Ketua bahagian mungkin lebih hebat daripada saya... tidak perlu nasihat."

Ditanya perubahan sikap bahagian Batu Gajah yang sebelum ini menyarankan agar Najib dan Tengku Razaleigh dipastikan menang tanpa bertanding tetapi kemudian tidak mencalonkan langsung Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan itu, Tajol Rosli berkata, itu mungkin strategi masing-masing.